

Inai untuk Rambut “Bagaimana Caranya”

Inai

Catherine Cartwright-Jones

Henna for Hair "How-To" Henna (*Inai untuk Rambut "Bagaimana Caranya"*)

Hakcipta 2006 Catherine Cartwright-Jones

Grafik muka hadapan oleh Alex Morgan

Diterbitkan oleh TapDancing Lizard™ LLC

4237 Klein Ave.

Stow, Ohio 44224 USA

Hakcipta terpelihara.

Dicetak di Amerika Syarikat.

Tiada sebarang bahagian daripada buku ini boleh dikeluarkan semula tanpa kebenaran bertulis kecuali dalam kes yang disebut dalam artikel kritikal atau pandangan serta dalam terma dan syarat yang disertakan pada halaman 3.

Library of Congress Cataloging-in-Publication Data

Catherine Cartwright-Jones

Henna for Hair "How-To" Henna (*Inai untuk Rambut "Bagaimana Caranya"*)

Inai untuk Rambut “Bagaimana Caranya”

Hakcipta 2006 Catherine Cartwright-Jones Hakcipta Terpelihara.

Terma: anda harus bersetuju dengan semua terma sebelum muat turun, mencetak dan menggunakan buku ini.

Terma untuk penggunaan peribadi:

Anda tidak boleh menjual, mempromosi untuk menjual, atau menukarganti buku ini atau mana-mana bahagian buku ini. Anda tidak boleh mengecualikan pernyataan hakcipta daripada mana-mana bahagian buku ini. Anda tidak boleh mengubah buku ini dengan apa cara sekalipun. Tidak boleh menjual cetakan buku ini. Tidak boleh mengaitkan buku ini, atau mana-mana bahagian buku ini dengan penjualan apa-apa produk. Tidak boleh meniru informasi yang terdapat pada buku ini untuk diletakkan ke laman web atau apa-apa produk yang dijual. Tidak boleh menjual buku ini atau mana-mana bahagian buku ini di Ebay atau dimana-mana juga.

Anda dibenarkan membuat lima (5) salinan untuk penggunaan peribadi. Tidak boleh menjual salinan tersebut kepada sesiapa dengan apa juga alasan. Anda boleh memberi lima (5) salinan kepada rakan-rakan atau pendandan rambut anda. Anda dibenarkan untuk membuat satu (1) salinan elektronik untuk tujuan penyimpanan. Selain dari lima (5) salinan bercetak dan satu (1) salinan elektronik, anda tidak dibenarkan untuk membuat salinan buku ini.

Terma untuk penggunaan pendidikan:

Anda dibenarkan untuk membuat salinan buku ini sebagai bahan untuk mengajar. Anda dibenarkan untuk membuat salinan buku ini sebagai bahan untuk mengajar di institusi awam atau swasta. Anda dibenarkan untuk membuat salinan buku ini sebagai bahan bacaan di perpustakaan awam. Tidak dibenarkan membuat salinan selain untuk bahan mengajar yang disertakan dalam program pembelajaran.

Kandungan:

- | | |
|---------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| Bab 1 | : Apakah inai? 4 |
| Bab 2 | : Apakah kandungan inai dan mengapakah ada label-label inai dalam pelbagai warna? 7 |
| Bab 3 | : Sejarah inai dan perwarnaan rambut di Barat .8 |
| Bab 4 | : Bagaimana mewarna rambut dengan inai? 18 |
| Bab 5 | : Bagaimana mewarna rambut dengan warna perang tua menggunakan inai dan indigo? 28 |
| Bab 6 | : Dapatkan warna rambut hitam menawan dengan inai dan indigo 34 |
| Bab 7 | : Bagaimana inai dan indigo mewarna uban dan lain-lain? 41 |
| Bab 8 | : Apakah Cassia?.45 |
| Bab 9 | : Peringatan 46 |
| Bab 10 | : Bagaimana untuk melakukan semua ini di salun? 48 |
| Bab 11 | : Carta untuk campuran warna inai.49 |
| Bab 12 | : Inai menghalang kutu, cacing dan kelelumur 50 |
| Rujukan | : 51 |

Untuk maklumat lanjut tentang inai dan rambut, sila lawati www.hennaforhair.com

Atau, hubungi Catherine Cartwright-Jones
4237 Klein Ave. Stow, Ohio 44224
330-688-1130 telefon 330-688-8803 FAX
info@mehandi.com

Inai untuk Rambut “Bagaimana Caranya”

Inai


Bab 1: Apakah Inai?

Inai, *lawsonia inermis*, adalah sejenis tumbuhan. Tumbuh sebagai tumbuhan renek atau pohon herba di tempat berhawa panas dan kering. Terdapat bukti dari Mesir bahawa inai digunakan sebagai pewarna sejak lima ribu tahun dahulu, mungkin juga digunakan di Jericho seawal lapan ribu tahun dahulu. Inai juga digunakan untuk menyuburkan rambut serta menutup uban.



Gambar 1: Inai, *lawsonia inermis*


Daun inai dipetik, dikeringkan dan proses menjadi serbuk. Apabila dicampurkan dengan larutan yang sedikit berasid, inai akan meninggalkan warna jingga kemerahan pada kulit, rambut dan kuku.



Gambar 2: Daun inai

Daun inai mempunyai molekul pewarna jingga kemerahan yang dipanggil *lawsone*. Ia jelas kelihatan pada urat daun inai yang masih muda. Daun inai mempunyai 1% hingga 4% kandungan lawsone, bergantung pada keadaan cuaca dan kesuburan tanah.

Daun yang mempunyai kandungan pewarna yang rendah diproses dan dijual kepada industri pewarna rambut.




Gambar 3: Lawsone, molekul pewarna yang terdapat pada inai

Daun yang mempunyai peratus pewarna yang paling tinggi diproses menjadi serbuk yang paling halus, digunakan untuk membuat corak pada kulit seperti yang digunakan untuk perayaan di Afrika Utara, Timur Tengah dan Asia Tenggara. Ini dinamakan sebagai inai “body art quality”. Inai “body art quality” adalah baik untuk rambut anda kerana ia senang dibilas dan akan memberikan warna yang lebih menyerlah.



Gambar 4: Inai “body art quality” digunakan untuk membuat corak pada tangan yang berwarna merah kecoklatan dan ia dianggap sebagai hiasan yang cantik serta membawa tuah.



Gambar 5:
Peta kawasan pertumbuhan inai dan kawasan yang menggunakan

Inai ditanam dan digunakan dikawasan yang ditunjukkan oleh peta di atas. Inai telah diamalkan dan digemari oleh kaum wanita di kawasan tersebut selama beribu-ribu tahun. Inai tidak tumbuh di Eropah atau Amerika dan amat jarang digunakan negara tersebut.

Walaupun inai tumbuh di banyak negara, ia cuma mempunyai SATU warna sahaja, tetapi mempunyai tons warna yang berbeza bergantung pada cuaca dan kesuburan tanah. Sesetengah inai mempunyai kandungan pewarna yang lebih tinggi berbanding yang lain. Inai yang mempunyai kandungai pewarna yang paling tinggi tumbuh di kawasan yang paling panas dan kering..



Gambar 5: Inai dari negara-negara berbeza, dibandingkan dengan mohair putih.

Pewarna inai rambut yang dipasarkan mempunyai banyak warna seperti “inai coklat tua”, “inai hitam”, “inai merah” dan sebagainya. Warna-warna tersebut dihasilkan dengan menambah bahan pewarna sintetik, garam metalik, dan pewarna asli yang lain. Kadangkala ia ditambah untuk memperbaiki kualiti inai. Inai “body art quality” tidak mengandungi bahan-bahan kimia tersebut. Inai “body art quality” adalah asli, 100% daun inai yang mempunyai kandungan pewarna yang paling tinggi. Mana-mana syarikat yang menyatakan bahawa mereka mendapatkan warna-warna inai yang pelbagai dengan 100% inai menggunakan inai dari negara yang berbeza adalah tidak benar. Inai hanya mempunyai satu molekul pewarna, tidak kira walau di negara mana ia tumbuh. Lawsone hanya dihasilkan dengan banyak pada daun inai. Tiada tumbuhan yang boleh menghasilkan

“inai hitam”, “inai merah”, dan “inai natural”, serta tiada bahagian dari pokok inai boleh menghasilkan “inai hitam” atau “inai natural”.



Gambar 6: Bungkusan lama “pewarna inai rambut” yang dilabel hitam, perang dan neutral yang mengandungi sedikit atau tiada inai.

Bab 2 : Apakah kandungan inai dan mengapakah ada label-label inai pelbagai warna?

Pewarna inai rambut di pasaran yang mempunyai pelbagai tona warna seperti hitam, perang, coklat tua dan sebagainya adalah *inai campuran*. Pengilang menggunakan inai berkualiti rendah dan menambah garam toksik, pewarna kimia, bahan lain serta para-phenylenediamine untuk mencipta pelbagai tona warna! Bahan-bahan yang ditambah tersebut selalunya tidak disenaraikan, kerana di negara Dunia ketiga tidak memerlukan penyenaraian bahan kosmetik, dan apabila ia dieksport ke Barat, tidak ada syarat khusus untuk menyenaraikan bahan penambah tersebut. Inai yang dipasarkan selalunya dikenali sebagai “natural herbal henna.” Perkara ini adalah bercanggah keran inai tersebut adalah tidak semulajadi dan dipenuhi dengan bahan kimia. Garam metalik memperbaiki warna inai setanding dengan inai berkualiti tinggi. Bahan tersebut boleh bertindak balas dengan pewarna sintetik dan menyebabkan kerosakan rambut yang teruk. Bahan yang sering digunakan adalah plumbum asetat, walaupun argentum nitrat, kuprum, nikel, bismuth dan garam ferum juga kadangkala digunakan. Pewarna yang mengandungi plumbum asetat akan mengumpul sisa plumbum sulfida dan plumbum oksida pada helaian rambut. Apabila anda mendengar inai mengandungi “logam”, “plumbum”, atau “menyaluti rambut” dan “menyebabkan rambut kasar”, itu menunjukkan tentang inai campuran yang mempunyai kandungan toksik yang tinggi.

Peluntur rambut, pewarna rambut kekal, dan larutan untuk rambut berombak kekal adalah kombinasi yang amat berbahaya dengan pewarna inai campuran (yang mempunyai garam metalik). Kombinasi tersebut akan menyebabkan rambut berwarna hijau, ungu, atau menjadi rosak teruk. **Inai “body art quality” TIDAK mengandungi logam, plumbum, dan TIDAK menyaluti rambut.** Molekul pewarna yang terkandung dalam inai “body art quality” yang asli meresap dan bergabung dengan keratin rambut, dan menjadikan rambut anda lebih lebat, kuat dan lembut bak sutera!

Bagaimana untuk mengetahui sama ada inai yang anda gunakan dipenuhi bahan toksik atau tidak? Ia mungkin TIDAK disenaraikan pada label.

Ambil sedikit rambut yang gugur pada sikat anda.

Campurkan satu auns (30ml) 20-vol peroksida dan 20 titis 28% ammonia. Letakkan rambut yang diambil tadi dalam campuran peroksida-ammonia (ini menyerupai pewarna sintetik).

Jika terdapat plumbum dalam inai yang anda telah gunakan, rambut tersebut akan berubah warna serta-merta.

Jika terdapat argentum nitrat dalam inai tersebut, tiada perubahan warna pada rambut, kerana argentums telah menyaluti rambut tersebut. Walaubagaimanapun, argentum nitrat meninggalkan kesan berwarna hijau pada rambut anda, jadi anda dapat mengetahui sama ada ia hadir atau tidak.

Jika terdapat kuprum dalam inai yang anda gunakan, rambut tersebut akan mula mendidih, menjadi panas dan berbau amat busuk, dan akhirnya akan menjadi rapuh.

Dengan pelbagai bahan yang tidak disenaraikan, inai telah mendapat reputasi yang kurang menyenangkan!

Bab 3: Sejarah inai dan pewarnaan rambut di Barat

Inai campuran yang dikenali sebagai “inai hitam”, “inai natural”, dan “inai merah” terhasil akibat kurang jelas dan kekeliruan dalam sejarah pewarnaan rambut dengan inai! Dari masa ke masa, semasa perhubungan perdagangan amat baik di antara Afrika Utara, Timur Tengah dan Eropah, inai merupakan salah satu hasil dagangan. Eropah terlalu sejuk untuk penanaman inai dan indigo, oleh itu teknologi dan cara penggunaan inai sebagai pewarna rambut tidak diketahui. Kini, kebanyakan inai yang dieksport untuk tujuan pewarnaan di Barat ditanam di Mesir.




Gambar 7: Semasa penjajahan peluasan kuasa Eropah, barang yang terkenal di Turki, Timur Tengah dan Afrika Utara dijadikan barang dagangan, ini termasuklah inai.

Pada penghujung kurun ke-19, kaum wanita di Istanbul dan Smyrna menggunakan kira-kira 15,000 pound inai setiap tahun sebagai pewarna rambut. Pengeluar terbesar adalah Boyadgian, Sohandgian, Tahiz, dan Karagheosian, yang mempunyai kedai di bazaar-bazar utama. Kebanyakan produk inai mereka adalah “rastik”, atau inai campuran untuk menghasilkan pelbagai tona warna. Formula inai tersebut dirahsiakan, tetapi sebatian seperti ekstrak manjakani, inai, alum, gula, ferum sulfat, kuprum sulfat, antimoni, madder, buckthorn, dan pewangi. Formula rastik tersebut diadaptasi dari industry sutera..... Dan ia akan menjadikan rambut bergulung-gulung, sama seperti yang terjadi pada sutera. Ia merupakan inai campuran pertama yang terhasil, diikuti dengan penghasilan campuran inai semulajadi dan indigo di pasaran. Tiada penguatkuasaan untuk menyenaraikan bahan-bahan yang terkandung dalam produk-produk tersebut pada masa itu, oleh itu, tiada sesiapa yang tahu apa yang mereka beli. Semua pewarna rambut pada masa itu dikenali sebagai “inai”, walau apa pun juga kandungannya.

Apabila para diplomat Eropah merantau, mereka tinggal bersama tuan rumah di Turki, Mesir, Maghribi, Algeria, India, dan negara-negara lain. Apabila tiba masa mandi, mereka akan ke tempat mandi awam. Ia dikenali sebagai “hammam” dalam bahasa Arab, merupakan tempat yang cantik dan tenteram untuk seseorang


itu membersihkan diri, bersosial dengan rakan-rakan, bercerita, mengurut dan membersihkan rambut. Lelaki yang segak bergaya merapikan rambut dan jambang, dan mewarnakannya dengan inai dan indigo untuk sesuatu majlis yang istimewa.

Sesetengah pengembara Barat terkejut melihat rambut, jambang dan misai mereka disapu dengan sebatian berwarna hijau dan tidak dapat berkata kepada tukang gunting “Berhenti! Apakah sebatian yang disapu?” Apabila ia dibilas dengan bersih, mereka mendapat uban telah tiada dan rambut mereka menjadi lebih sihat dan bersinar, dan mereka merekodkan perkara ini ke dalam diari mereka tanpa memahami apakah yang sebenarnya dilakukan oleh sebatian hijau tersebut tetapi mereka tahu ia dipanggil sebagai inai.



Gambar 8: Urutan yang unik di tempat mandi lelaki

Terdapat hari yang spesifik untuk lelaki dan perempuan di tempat mandi awam tersebut. Kaum wanita diharuskan untuk ke hammam sekurang-kurangnya sekali sebulan, untuk membersihkan badan selepas datang haid. Meraka menyediakan campuran inai yang istimewa malam sebelum mereka ke hammam. Di hammam, terdapat banyak masa terluang dan bantuan untuk mewarnakan rambut mereka dengan inai dan indigo, serta menginai hujung jari, kuku dan tapak tangan.



Gambar 9: Hammam (tempat mandi awam) di Maghribi.


Pengembara Eropah sering membawa pelukis atau jurufoto untuk merekodkan dunia yang dianggap eksotik, dan membawa pulang gambar-gambar tempat mandi, wanita dengan rambut yang panjang dan berkilau, serta lelaki dengan jambang dan misai yang hitam menawan. Gambaran kehidupan masyarakat Turki dan wanita cantik berambut panjang di tempat mandi oleh Ingres dan lain-lain mendapat perhatian masyarakat Eropah pada kurun ke-19 dan produk inai mendapat permintaan ramai.



Gambar 10: Wanita Maghribi mendandan dan menyikat rambut yang diinai.

Lehnert and Landrock 1910 – 1920, koleksi pengarang.

Semasa negara Eropah meningkatkan hubungan dagangan dengan Turki melalui peluasan kuasa, inai dieksport bersama-sama permaidani, teh, dan barang mewah yang lain. "Wanita Oriental," dari Timur Tengah, dianggap oleh masyarakat Eropah sebagai misteri, sensual, gabungan daripada kesucian dan kemurnian, serta mewah. Wanita Eropah dan Amerika menginginkan kisah-kisah dari timur yang eksotik, mengejutkan, memberansangkan serta inginkan kehidupan yang dipenuhi dengan nafsu, kemewahan dan keberahanian .. serta banyak lagi yang mereka anggap kurang dalam hidup mereka.



Gambar 11: Wanita Eropah dari tahun 1880-an ini menginai rambut, tapak tangan, dan kuku serta menggemari hasil eksotiknya. Beliau juga mengimport permaidani Turki, kendi eksotik dan tumbuhan.

Pedagang Turki sangat berbesar hati untuk menyediakan barang yang dianggap oleh wanita Eropah dapat menjadikan mereka eksotik seperti wanita Oriental. Salah satu barang tersebut adalah inai. Wanita Eropah yang berani mula mewarnakan rambut mereka menggunakan inai pada tengah kurun ke-19, serta mengadaptasi pewarnaan kuku dan tapak tangan dari wanita Timur Tengah untuk tampil lebih bergaya. Mereka bersantai di atas permaidani Turki dan Parsi, dikelilingi dengan barang Oriental, dan memberikan postur badan yang eksotik.

Madame Patti, penyanyi opera soprano Victoria yang terkenal, anggun, bertaraf tinggi, dan bintang antarabangsa, mewarnakan rambutnya dengan inai akhir tahun 1880-an. Beliau dikenali sebagai pencetus penggunaan inai dalam industri fesyen Eropah, di mana ramai wanita bergaya meminati rambut beliau yang lebat dan kemerahan serta mula mencontohi beliau. Pada 1900, beliau merupakan wanita yang kedua paling dikenali di England, selepas Queen Victoria, dan merupakan seorang diva pada masa itu. Kaum lelaki mengugut untuk membunuh diri jika tidak mendapat cinta beliau. Kaum wanita ingin menjadi seperti beliau: kaya, cantik, terkenal, eksotik, romantik dan diminati serta mempunyai rambut yang diinai. Kaum wanita membeli inai atas kemasyhuran beliau. Semasa kemuncak kemasyhuran beliau, beliau menggunakan inai untuk menutup uban dan menjadikannya kelihatan lebih bergaya, muda, lebat, panjang dan kemerahan.



Gambar 12: Rambut berinai menjadi simbol seks eksotik Oriental

Semasa akhir era Victoria dan awal era Edward, kaum wanita menyimpan rambut panjang dan menggayakannya dengan gaya sanggul besar, gulungan rambut serta ditambah volume. Ramai menggunakan inai untuk mengekalkan rambut yang berkilau dan lebat, serta untuk menutup uban. Pada 1900, editor kecantikan “Queen”, makalah untuk wanita London, berasa terkejut dengan fesyen baru yang memaparkan rambut putih atau warna pucat, dan memberi komen bahawa ia tidak pernah dianggap sebagai fesyen oleh wanita dekad terdahulu. Kaum wanita terdahulu telah menutup uban dan mewarnakan rambut keemasan mereka menjadi merah atau kecoklatan dengan inai. Editor tersebut berpendapat bahawa walaupun pendandan rambut di Paris dan New York mampu melunturkan warna rambut, ia tidak dilakukan di London dan prosesnya adalah tidak selamat.



Gambar 13: Inai dikenali dalam fesyen rambut panjang dan lebat




Gambar 14: Pewarna rambut awal dari USA dengan bahan berbahaya

Pada awal 1900-an, kaum wanita di USA mahu mewarnakan rambut mereka tetapi tidak yakin dengan inai dan kerana inai adalah import eksotik. Mereka mencuba pewarna tekstil dari tumbuhan, tetapi tidak sesuai dengan rambut kerana terlalu tajam. Mereka mencuba bahan kimia termasuklah pewarna berdasarkan tar arang yang digunakan untuk tekstil dan industry bulu: umumnya dikenali sebagai para-phenylenediamine. Bahan tersebut adalah efektif tetapi sangat berbahaya. Pada Februari 1928, seorang pengamat perubatan menulis sebuah artikel untuk majalah Good Housekeeping, bertajuk "Patutkah saya mewarnakan rambut?" Artikel tersebut ditulis setelah beberapa keracunan toksik berlaku di Bandar New York disebabkan pendandan rambut menggunakan pewarna para-phenylenediamine. Doktor tersebut menyatakan bahawa pewarna yang selamat dan efektif hanyalah inai. Bandar New York menggubal undang-undang untuk Sanitary Code pada tahun 1926 untuk tidak membenarkan penggunaan bahan kimia berbahaya dalam pewarna rambut dan kosmetik. Undang-undang ini tidak memberi kesan. Kaum wanita masih mahu mewarnakan rambut mereka.



Gambar 15: Syamu inai dari tahun 1929

Pada 1900, Mesir mendominasi pengkomersialan inai dan mengeksport ke Barat, serta pihak pengiklanan mengambil kesempatan dengan idea bahawa Mesir adalah lebih seksi, lebih eksotik, lebih menggairahkan, lebih misteri, dan penuh dengan pengetahuan purba lebih dari apa yang diketahui oleh US. Penemuan makam Raja Tutankhamen dan kemasyhuran Rudolph Valentino Sheik merupakan ciri-ciri yang mempengaruhi ikon Mesir yang digunakan pada produk-produk inai.



Gambar 16: Imej Mesir purba pada pek pewarna inai rambut oleh syarikat Vivaudou, New York, awal 1900-an



Gambar 17: Pek pewarna inai rambut semulajadi dari awal tahun 1900-an, USA

Dari tahun 1920-an hingga 30-an, inai dan campuran inai dengan indigo, cassia dan lain-lain bahan kimia (dikenali dengan inai hitam, inai merah dan inai natural) menguasai pasaran pewarna rambut sehingga pada satu tahap semua pewarna rambut dikenali sebagai “inai” di USA. Inai berwarna putih juga ada dijual, walaupun ia sebenarnya bukanlah sejenis inai, tetapi merupakan sejenis mineral alkali yang perlu dicampurkan dengan peroksida, untuk menjadikan rambut seperti “Jean Harlow”, dewi putih keemasan yang berkilaauan.



Gambar 18: Produk penjagaan rambut dari tahun 1920 yang mengandungi Rezolium yang “berharga dan magikal” dan “Inai Putih”

Amaran bahaya kepada kesihatan atas penggunaan formula “rahsia” pewarna rambut, serta risiko penggayaan rambut yang tidak bersih mencetus kepada penggubalan undang-undang, latihan dan perlesenan untuk pakar kosmetik di Amerika pada tahun 1930-an. Perkara tersebut merupakan perubahan yang baik kerana dapat memberikan pengetahuan yang lebih mendalam kepada pakar kosmetik untuk mempraktikkan keselamatan

dalam mengendalikan bahan kimia untuk rambut, tetapi malang sekali kerana dengan ini, pewarna kimia lebih dikenali berbanding pewarna semulajadi tanpa mengetahui kesan kepada kesihatan. Terdapat bias terhadap pernyataan “menjadi lebih cantik secara saintifik melalui kimia moden” dan setiap edisi buku teks pakar kosmetik tidak menekankan kepentingan inai sehingga ia semakin hampir dilupakan, dan peringatan “elakkan sepenuhnya” yang tidak tepat digunakan. Selagi tiada cara untuk menghebahkan apa yang terkandung dalam sekotak inai, peringatan “elakkan sepenuhnya” menjadi semakin masuk akal kerana banyak bahan tambahan yang tidak tersenarai bertindakbalas dengan teruk apabila bergabung dengan pewarna sintetik.



Gambar 19: Lucille Ball menginai rambut keemasannya menjadi merah.

Lucille Ball dan rupawan Hollywood yang lain mewarnakan rambut mereka dengan inai semulajadi apabila mereka boleh mendapatkaninya. Inai dieksport dari Mesir ke US, dan tidak ditanam hi hemisfera Barat (kecuali di kawasan Caribbean, di mana inai ditanam oleh imigran dari India). Bekalan inai di USA adalah kurang memuaskan dan kurang kualiti dan akhirnya penggunaannya merudum.

Pihak FDA, pengilang bahan kimia dan doktor sedar bahawa pewarna para-phenylenediamine menyebabkan reaksi alergi dan boleh menyebabkan maut, tetapi orang ramai tetap mahu menggunakanannya. Pada akhir 1930-an,



pihak FDA dan pembuat pewarna rambut bersetuju untuk menetapkan kandungan para-phenyldiamine di bawah enam peratus untuk pewarna rambut, oleh itu, tiada label amaran diperlukan dan pihak pengilang akan dilindungi daripada pertuduhan jika berlaku kecederaan. Perkara ini mengurangkan kadar kecederaan terhasil dari pewarnaan rambut, tetapi ia hanya mengurangkan bahaya kepada reaksi alergi, asma, keguguran rambut, luka, dan tindakbalas dengan bahan kimia lain. Dengan mengehadkan kadar PPD tidak dapat membendung risiko kesihatan yang lain daripada pendedahan kepada bahan kimia tersebut, pelanggan dan juga pakar kosmetik! Ramai pakai kosmetik mendapati mereka menjadi alahan kepada para-phenyldiamine sehingga mereka terpaksa melepaskan pekerjaan tersebut dan mencari karier lain. (Empat puluh lima peratus pakar kosmetik alahan kepada PPD dan mempunyai kadar risiko kanser yang tinggi berbanding orang awam lain, mengikut kajian yang TIDAK dibayai oleh industri pewarnaan rambut). Ramai doktor mensihatkan pesakit dengan risiko kanser yang tinggi supaya menghentikan penggunaan pewarna rambut kimia, dan pakar sakit puas sering menasihati pesakit mereka untuk tidak mewarnakan rambut dengan pewarna sintetik semasa kehamilan.

Inai terus tetap menjadi pewarna rambut yang paling digemari di Afrika Utara, Semenanjung Arab, dan Asia Selatan, walaupun produk kecantikan berasaskan bahan kimia dari Barat diminati oleh masyarakat yang menganggap "moden itu lebih baik". Ramai masih memilih inai berbanding pewarna sintetik kerana ia mengekspresikan warisan nenek moyang, serta menjadikan rambut mereka lebih sihat dan menawan.



Gambar 20: Inai dari Sudan dan India

Bab 4: Bagaimana mewarna rambut dengan inai?



Gambar 21: Rajah menunjukkan bagaimana inai mewarna rambut dan bagaimana keadaan rambut yang diinai. Warna yang akan anda dapatkan bergantung pada warna asal rambut anda. Gambar-gambar di bawah menggunakan inai yang sama, tetapi pada rambut yang berlainan.,



Gambar 22: Inai pada rambut keemasan gelap yang menggunakan pewarna kimia.




Gambar 23: Inai pada rambut beruban.



Gambar 24: Inai pada rambut coklat tua.



Gambar 25: Inai pada rambut coklat tua yang mempunyai sedikit uban.



Gambar 26: Inai pada rambut yang dilunturkan dan diwarnakan dengan bahan kimia.



Gambar 27: Inai pada rambut hitam dengan sedikit uban.

Oleh kerana molekul pewarna merah-jingga bergabung pada keratin yang mengelilingi helaihan rambut, hasil warna adalah berbeza-beza untuk setiap helaihan rambut, dan untuk setiap orang. Warna inai adalah terang dan teradun dengan warna rambut yang asal. Rambut yang diinai kelihatan seperti tumbuh secara semulajadi!

Hanya inai “body art quality” adalah selamat untuk diaplikasikan pada rambut yang diwarna, diluntur, dikerinting dan dirawat secara kimia.



Gambar 28: Inai pada rambut Afrika memberikan highlight berwarna merah dan mencantikkan rambut kerinting.

Inai amat berkesan pada rambut Afrika! Ia tidak mewarnakan rambut menjadi merah, tetapi memberikan highlight merah, menyuburkan rambut dan menjadikannya lembut. Inai “body art quality” akan lebih mudah dibilas dari rambut yang kerinting, bertocang serta boleh digunakan pada rambut yang telah dilembutkan.



Gambar 29: Rambut Kathie dan Lisa yang diinai : Inai pada rambut putih Kathie kelihatan merah. Inai pada rambut perang Lisa kelihatan merah-kecoklatan.

Anda boleh melihat sendiri melalui gambar-gambar bahawa inai “body art quality” menjadikan rambut berkilaunya dan rapi, serta memperbaiki kerosakan akibat penggunaan bahan kimia. Anda juga dapat melihat inai yang digabungkan dengan warna rambut yang semulajadi menghasilkan warna yang tampak semulajadi. Uji inai pada rambut yang diambil dari sikat anda sebelum mencubanya pada seluruh rambut untuk mendapatkan keputusan yang diingini!

Bagaimana membuat campuran inai untuk rambut?

Campurkan inai dengan jus lemon secukupnya untuk menjadikannya pes yang pekat seperti kentang lenyek. Jus lemon yang dibotolkan boleh juga digunakan. Jika kulit anda alahan kepada lemon dan menjadi gatal selepas berinai, gunakan jus oren, jus limau gedang, atau cecair yang kurang berasid dari jus lemon. Cuka dan wain berkesan, tetapi agak berbau! Jangan gunakan yogurt. Ia tidak berkesan seperti jus lemon untuk jangka masa panjang, dan ia akan menjadi makanan kepada kelelumur anda. Ter herba yang sedikit berasid dengan lemon juga berkesan.

Jangan campurkan inai dengan kopi. Ia tidak akan mengubah warna inai, dan ia akan memberikan bau yang busuk serta mengakibatkan sakit kepala. Sedikit serbuk cengkih mungkin memekatkan warna, tetapi boleh mendatangkan iritasi pada kulit.

Jangan campurkan “terps” pada pes inai seperti yang dilakukan untuk seni lukisan badan. Anda menggunakan lebih banyak inai pada rambut berbanding lukisan tangan dan lebih banyak jumlah “terp” yang digunakan akan menyebabkan sakit kepala dan pitam.



Gambar 30: Campurkan inai dengan jus lemon atau apa-apa yang berasid.

Jangan campurkan inai dengan air mendidih. Warna yang terhasil apabila menggunakan air mendidih akan pudar menjadi jingga. Warna yang terhasil apabila dicampurkan dengan jus lemon akan beransur menjadi gelap, menghasilkan warna yang mewah, dan merah gelap semulajadi.



Gambar 31: Perbandingan antara inai yang dicampurkan dengan air mendidih dan inai yang dicampurkan dengan jus lemon.



Gambar 32: Tutup inai dengan plastik dan biarkan ia semalam pada suhu bilik. Jika anda mahukannya lebih cepat, letakkannya di tempat yang sedikit panas.

Biarkan pes inai berehat semalam pada suhu bilik, 70 °F atau 21 °C. Semasa proses ini, warna dalam inai akan dibebaskan. Warna mesti dibebaskan dari daun inai supaya ia boleh berpindah pada rambut. Pembebasan yang perlahan dan berasid ini akan memberikan keputusan yang terbaik. Jika anda ingin cepat, letakkannya di tempat yang sedikit panas, tetapi BUKANNYA tempat yang sangat panas! Inai anda akan tersedia dalam masa dua jam pada suhu 95°F atau 35°C.

Apabila anda telah bersedia untuk menggunakan inai tersebut, kacau sedikit jus lemon atau teh wangi untuk menjadikan pes tersebut seperti yogurt.

Bagaimana mengaplikasi inai pada rambut?

Anda boleh gunakan inai “body art quality” secara selamat pada rambut yang telah diwarnakan, dilunturkan, dan dirawat dengan bahan kimia. Anda juga boleh menggunakan pewarna sintetik, peluntur dan rawatan lain ke atas rambut yang telah diinai.

Peringatan:

- Jangan kedekut menggunakan pes inai. Aplikasi yang lebih tebal dan lama akan menghasilkan warna yang lebih mewah.
- Jika suka, anda boleh melakukan inai pada akar rambut sahaja di antara aplikasi ke seluruh rambut.
- Gunakan sarung tangan untuk mengelakkan tangan menjadi berwarna.
- Anda boleh membilas rambut dengan mudah jika anda mengisi tab mandi penuh dengan air, kemudian berbaring dengan mengayunkan rambut. Kemudian, bilas selebihnya dengan air bersih.
- Ia berkesan ke atas jambang dan misai juga!


Berapa banyak yang anda perlukan?

- 100g untuk rambut pendek.
- 200g untuk rambut paras kolar.
- 300g untuk rambut lurus paras bahu.
- 500g untuk rambut paras pinggang.



Gambar 33: Sebelum berinai, rambut ini telah diwarna dengan pewarna kimia merah dan telah pudar dengan teruk, serta mempunyai dua inci akar yang berwarna emas gelap. Bahan kimia telah menambahkan kelemumur dan menjadikan rambut kusam dan rosak.

Basuh rambut anda dan keringkan sebelum mengaplikasikan campuran inai. Sikat rambut supaya anda dapat membahagikannya dengan mudah.



Gambar 34: Anda boleh menggunakan “piping bag” atau botol pemicit untuk mengaplikasi inai pada rambut, atau cuma ratakan menggunakan jari. Pakai sarung tangan!



Gambar 35: Mulakan dari belakang dan ratakan inai hingga kulit kepala. Gunakan inai seperti membuat “frosting” pada kek! Lebih banyak inai lebih terang warnanya. Bawa turun sebahagian demi sebahagian rambut dan inaikannya.



Gambar 36: Teruskan membahagi rambut, ratakan inai dan sikat bahagian seterusnya.

Ratakan campuran inai pada bahagian demi bahagian seperti membuat “frosting” kek. Pastikan setiap helaian rambut disaluti inai dengan tebal, sehingga ke kulit kepala. Teknik ini adalah berbeza dengan teknik mengaplikasi pewarna kimia.

Jangan takut untuk menjadi comot. Jangan takut untuk menggunakan inai dengan banyak. Proses ini merelakskan dan menyegarkan, serta terdapat bukti perubatan mengatakan bahawa inai dapat melegakan dan menghilangkan sakit kepala. Inai mungkin terasa berat di kepala semasa proses ini, anda boleh berhenti seketika dan mengurut kepala, dan apabila telah selesai, beristirehat. Apabila kaum wanita menginai rambut di Afrika Utara dan Timur Tengah, ia mengambil masa sepanjang hari dan disertakan dengan hiburan, gosip bersama rakan-rakan serta urutan badan yang menyamankan.



Gambar 37: Apabila keseluruhan rambut telah dilitupi dengan inai, kepala dibalut dengan pembalut plastic. Ini akan mengekalkan inai dalam keadaan sedikit panas dan lembab, serta membantu penyerapan lebih banyak warna.

Apabila seluruh rambut telah diinai, balut dengan pembalut plastic disekeliling kepala, bersihkan garis rambut dan telinga, dan beristirehat selama 2 – 4 jam. Jika rambut anda sukar menyerap warna, anda boleh membiarkannya lebih lama. Cari tempat yang selesa untuk berehat. Letakkan sehelai tuala di atas bantal.

Kemudian, bilas campuran inai sebersihnya dari rambut anda. Jika anda mempunyai rambut yang sangat panjang dan sukar membilasnya, baring di dalam tab mandi yang dipenuhi air dan berendam seketika. Kemudian ia akan lebih senang dibilas.

Anda boleh membersihkan inai dengan syampu. Tidak perlu menggunakan syampu yang spesifik. Sesetengah orang suka akan bau rambut yang diinai. Sesetengahnya tidak suka. Jika anda tidak suka, didihkan satu sudu kecil putik lavender atau serbuk rosemary dalam air, tapis, dan bilas rambut anda dengan larutan tersebut.



Gambar 38: Apabila inai telah dibilas, keleumur telah tiada, akar rambut diwarnai dan warnanya adalah rata pada rambut yang berwarna emas gelap dan pada rambut yang telah pudar warna kimianya.



Gambar 39: Pada mulanya, inai kelihatan perang terang. Jangan panic. Ini akan menggelap beberapa hari lagi jika anda menggunakan campuran berasid..



Gambar 40: Inai “body art quality” mewarna tangan dan kaki dengan senang, tetapi tidak pada telinga dan tengkuk. Jika anda membersihkannya dengan cepat, ia tidak meninggalkan apa-apa kesan. Jika tidak, warnanya akan pudar dalam masa tiga hari.

- Rambut mengambil masa 3 hari untuk mendapatkan warna yang sebenar. Ini adalah proses pengoksidaan seperti epal yang dipotong dibiarkan di udara menjadi perang. Bersabar dan jangan panik.
- Jangan terlalu berjimat menggunakan campuran inai. Aplikasi yang lebih tebal dan lama menghasilkan warna yang mewah. Gunakan seperti membuat “frosting” kek. Ratakan hingga ke kulit kepala.
- Jika suka, anda boleh menginai akar rambut beberapa kali di antara aplikasi keseluruhan rambut. Anda boleh menginai sekirap yang anda suka. Ia baik untuk anda dan rambut anda.
- Gunakan sarung tangan keran inai akan mewarna tangan anda. Jika tidak, anda akan mendapat tangan yang berwarna yang kekal sehingga sebulan. Saya telah ingatkan anda.
- Ini berkesan untuk jambang dan misai juga! Anda cuma harus bertahan dengan pes berwarna hijau di muka selama beberapa jam.



Gambar 41: Warnanya akan menggelap dalam masa 3 hari. Ini kerana lawsone sedang menyerap pada keratin rambut. Jika anda menggunakan jus lemon atau larutan berasid, ia akan menjadi lebih gelap. Dengan banyaknya.



Gambar 42: Hari keempat, perbezaan ketara pada warna rambut. Ia menjadi lebih gelap dan mewah. Ia akan bersinar di bawah pancaran matahari. Orang ramai akan mengatakan anda menawan. Jangan menilai warna rambut anda sebelum empat hari. Ini adalah proses semulajadi, dan anda tidak boleh memaksa Mother Nature.

Sesetengah orang menggemari bau inai yang melekat pada rambut. Mereka menyatakan ia berbau natural dan seksi. Sesetengahnya tidak suka bau tersebut. Baunya akan hilang dalam beberapa hari. Berikut ada beberapa perkara yang anda boleh lakukan jika anda tidak suka baunya.

- 1) Campur serbuk cengkih dalam campuran inai. Ia menjadikan warna sedikit gelap dan berbau enak.
- 2) Bilas rambut dengan teh lavender atau rosemary.
- 3) Campur serbuk kayu manis dalam campuran inai. Ia tidak mengubah warna dan ia berbau enak.
- 4) Berdiri hampir dengan anjing dan salahkan anjing tersebut.

Bab 5 : Bagaimana mewarna rambut dengan warna perang tua menggunakan inai dan indigo?

Indigo adalah sejenis tumbuhan yang mempunyai molekul pewarna biru. Ia mewarnakan jeans anda kepada biru tua. Anda boleh mewarnakan rambut dan menutup uban tanpa bahan kimia, seperti yang dilihat pada gambar di bawah dengan campuran inai dan indigo yang berbeza kuantiti. Jika anda gunakan inai pada rambut putih, warnanya merah terang. Jika anda cuma guna indigo, warnanya biru. Jika anda mencampurkan keduanya, anda mendapat warna perang tua. Jika inai melebihi indigo, warnanya menjadi perang kemerahan. Jika lebih indigo dari inai, warnanya menjadi perang tua.



Gambar 43: Inai dan indigo dicampur untuk menghasilkan warna perang tua

Anda boleh menggunakan inai “body art quality” dan indigo pada rambut yang diwarnakan, dilunturkan dan dirawat dengan bahan kimia. Anda boleh menggunakan pewarna sintetik, peluntur dan rawatan ke atas rambut yang diinai dengan inai “body art quality” dan indigo kerana tiada sebatian metalik yang terdapat pada inai “body art quality.”

Bagaimana mencampurkan inai dan indigo untuk rambut?

Pertama, campurkan inai seperti yang dijelaskan pada halaman 22 – 23. Apabila telah siap sedia untuk mewarna, campurkan indigo.



Gambar 44: Apabila inai telah tersedia dan anda bersedia mewarna rambut, campurkan serbuk indigo dan air ke dalam mangkuk. Kacau dan buat pes yang pekat seperti kentang lenyek.

Indigo perlu digunakan segera. Tidak perlu tunggu untuk pembebasan warna. Campurkan indigo dan air sebelum anda mewarnakan rambut. Jangan gunakan jus lemon pada indigo. Hanya gunakan air. Untuk menghasilkan warna perang sederhana, campurkan sama banyak jumlah inai dan indigo. Anda boleh menghasilkan perang muda dengan mencampurkan 2/3 inai dengan 1/3 indigo. Untuk warna perang tua, campurkan 1/3 inai dan 2/3 indigo.



Gambar 45: Campurkan pes inai dan indigo bersama. Tambahkan air atau teh wangi untuk menjadikannya seperti yogurt yang dikacau.

Kacau campuran tersebut dengan rata atau anda akan mendapat rambut yang berbelang. Kacau lagi sehingga anda merasakan anda telah mengacau lebih dari perlu. Kemudian kacau lagi.

Bagaimana mengaplikasi campuran inai/indigo:

Basuh rambut dan keringkannya sebelum mengaplikasi campuran inai dan indigo. Sikat rambut anda supaya senang untuk membahagikannya.

Berapa banyak yang anda perlukan?

- 100g campuran inai dan indigo untuk rambut pendek.
- 200g campuran inai dan indigo untuk rambut paras kolar.
- 300g campuran inai dan indigo untuk rambut paras bahu.
- 500g campuran inai dan indigo untuk rambut paras pinggang.



Gambar 46: Sikat rambut yang bersih, kering dan bahagikannya. Anda boleh menggunakan botol pemicit untuk mengaplikasikan campuran inai/indigo, tetapi boleh juga menggunakan tangan.



Gambar 47: Bahagikan rambut dan ratakan campuran inai/indigo dengan tebal seperti “frosting” kek. Ratakan setiap helaian rambut hingga ke kulit kepala.



Gambar 48: Teruskan ke setiap bahagian rambut dan ratakan campuran. Urutkan ke kepala untuk memastikan rambut diselaputi dengan tebal.

Apabila rambut telah dipenuhi dengan campuran, balut kepala dengan pembalut plastik, bersihkan garis rambut dan telinga, dan biarkan warna dari campuran meresap ke rambut selama 2 – 4 jam. Tidur sebentar jika mahu.



Gambar 49: Balut rambut dengan plastik dan bersihkan telinga dan garis rambut. Perap rambut selama beberapa jam.

Kemudian, bilas campuran tersebut daripada rambut anda sebersihnya. Warnanya mengambil masa selama 2 hari untuk menjadi warna sebenar. Jika anda melihat warna kehijauan, jangan panik. Ia akan hilang dalam masa sehari atau dua setelah indigo teroksiida.

Campuran inai dan indigo untuk warna perang kemerahan:

Sama seperti di atas, tetapi gunakan dua bahagian inai kepada satu bahagian indigo.

Campuran inai dan indigo untuk warna perang tua:

Sama seperti di atas, tetapi gunakan satu bahagian inai kepada dua bahagian indigo.

Campuran inai dan indigo untuk warna perang yang lebih gelap:

Sama seperti di atas, tetapi gunakan satu bahagian inai kepada empat bahagian indigo.


Campuran inai dan indigo untuk warna merah menyala:

Sama seperti di atas, tetapi gunakan empat bahagian inai kepada satu bahagian indigo.

Cara-cara mencampurkan inai, amla dan indigo untuk warna perang yang lebih dalam:


Amla adalah sejenis tumbuhan yang mempunyai buah beri yang kaya dengan kandungan asid askorbik. Serbuk amla adalah beri amla yang dikeringkan dan dijadikan serbuk. Anda boleh mencampurkan serbuk amla ke dalam campuran inai dan indigo untuk menghasilkan rambut yang berwarna perang dalam..

Buat sama seperti proses di atas, kecuali semasa inai akan dicampurkan dengan indigo, campurkan satu bahagian amla kepada tiga bahagian inai, kemudian kacaukan air yang cukup untuk menjadikannya sepekat yogurt.



Gambar 50: Campuran inai/indigo dengan amla dan tanpa amla

Bab 6 : Dapatkan warna rambut hitam menawan dengan inai dan indigo.



Gambar 51: Warnakan rambut anda hitam, sehitam kucing hitam anda dengan inai dan indigo

Pewarna rambut sintetik hitam adalah lebih berisiko menyebabkan alahan berbanding dengan warna yang lain. Jika anda terasa gatal-gatal atau luka setelah mewarna rambut dengan warna hitam dari bahan kimia, berhentilah. Ia akan menjadi lebih teruk. Alahan kepada pewarna rambut boleh mengancam nyawa. Bertukarlah kepada inai dan indigo untuk mewarna rambut dengan selamat. Anda tidak akan mendapat alahan dengan inai tulen dan indigo, dan rambut anda akan menjadi lebih sihat, bersinar dan lebih kuat. Anda boleh mewarnakan rambut anda dengan warna hitam menawan, dan menutup uban dengan inai tulen dan indigo, tanpa para-phenylenediamine atau bahan kimia yang lain!

Gwyn (gambar di atas) mempunyai rambut perang berketak. Proses ianai/indigo menenangkan rambut kerintingnya, dan menjadikannya bersinar, bercahaya dan sehitam anak kucingnya! Anda boleh menggunakan inai “body art quality” dan indigo ke atas rambut yang menjalani pewarnaan sintetik dan proses kimia serta sebaliknya.



Gambar 52: Rambut putih, diwarnakan dengan inai, diwarnakan dengan campuran inai dan indigo, dan diwarnakan dengan inai terlebih dahulu diikuti dengan indigo.

Inai adalah sejenis tumbuhan yang mempunyai molekul pewarna merah-jingga dan berkesan dalam larutan asid lemah. Indigo merupakan tumbuhan yang mempunyai molekul pewarna biru tua dan berkesan dalam larutan bas lemah. Jika anda mewarnakan rambut putih dengan inai, anda mendapat warna merah terang. Jika anda mencampurkan inai dan indigo, anda akan mendapat warna perang tua. Jika anda mewarna dengan inai terlebih dahulu, bilas, diikuti dengan pewarnaan dengan indigo, anda akan mendapat warna hitam yang menawan! Warna-warna tersebut adalah kekal. Anda boleh aplikasikan inai “body art quality” dan indigo ke atas pewarna sintetik.

Warnakan rambut hitam menggunakan inai “body art quality” dan indigo:

Anda perlu menggunakan inai dan indigo. Berapa banyak yang anda perlukan?

- 100g setiap satu untuk rambut pendek.
- 200g setiap satu untuk rambut lurus paras kolar.
- 300g setiap satu untuk rambut lurus paras bahu.
- 500g setiap satu untuk rambut paras pinggang.

Basuh dan keringkan rambut. Anda boleh melihat Jessica mempunyai lebih kurang 2” akar rambut keemasan dan rambutnya yang lain diwarnakan hitam menggunakan pewarna sintetik para-phenyldiamine. Sediakan inai seperti di halaman 22-23.



Gambar 53: Akar rambut keemasan Jessica dan pewarna hitam sintetik

Basuh dan keringkan rambut. Sikat supaya mudah untuk membahagikannya.



Gambar 54: Ratakan inai dengan TEBAL pada setiap bahagian rambut

Pakai sarung tangan! Semua ini akan mengotarkan tangan! Ratakan inai dengan tebal pada setiap bahagian rambut. Adalah penting untuk memastikan rambut diselaputi dengan tebal hingga ke kulit kepala. Inai dan indigo tidak akan mencederakan kulit kepala atau badan anda.




Gambar 55: Sikat rambut ke bawah dan ratakan inai lagi.



Gambar 56: Teruskan membahagi rambut dan ratakan inai hingga seluruh rambut diselaputi dengan tebal.

Apabila rambut diselaputi dengan menyeluruh, lapkan garis rambut dan telinga. Balut rambut dan berehat selama 2 jam. Bilas inai sebersihnya dan keringkan rambut dengan tuala.



Gambar 57: Inai mewarnakan akar rambut dengan warna merah.


Setelah inai dibilas, dan rambut telah dikeringkan, buat campuran indigo.

Campurkan indigo dengan air sehingga menjadi seperti yogurt. Jika anda fikir anda mempunyai rambut yang kurang menyerap warna, tambahkan satu sudu kecil garam. Letakkan campuran indigo pada rambut dengan serta merta. Jangan tunggu pembebasan warna dari indigo.



Gambar 58: Ratakan pes indigo pada rambut, hingga ke kulit kepala..

Bahagikan rambut dan ratakan campuran indigo dengan tebal sehingga ke kulit kepala. Lapik bahu dengan tuala serta lindungi lantai. Ratakan dengan tebal. Ianya sedikit licin tetapi berkesan. Pes indigo sedikit kasar dan lebih sukar untuk meratakannya berbanding inai. Saya hanya mengambil segenggam demi segenggam pes dan ratakan pada rambut.



Gambar 59: Teruskan menambah indigo pada bahagian rambut



Gambar 60: Bahagikan rambut dan ratakan pes indigo sehingga seluruh rambut tebal dengan indigo. Kemudian, balut dengan pembalut plastik.

Apabila seluruh rambut dibahagikan dan diratakan dengan tebal menggunakan pes indigo, balut rambut dengan pembalut plastik. Bersihkan kesan sisa indigo dari kulit dan rehat selama 1 jam. Bilaskan dengan bersih indigo daripada rambut anda.




Gambar 61: Rambut Jessica setelah indigo dibilas; kedua-dua akar dan rambut dilitupi dengan rata.

Jika anda melihat tona kehijauan, jangan panic. Ia akan hilang dalam masa sehari dua setelah indigo teroksida. Rambut anda memerlukan dua hari untuk menjadi warna sebenar. Kadangkala uban tidak dapat menyerap warna, dan mungkin perlu melakukan proses ini berulang kali atau biarkan inai dan indigo lebih lama.

Sesetengah orang akan mendapati rambut mereka menjadi kemerahan setelah beberapa minggu, kerana indigo semakin pudar. Ini kerana molekul warna indigo tidak meresap seperti inai. Indigo mewarnakan jeans anda, dan ianya luntur juga. Anda boleh mencantikkan warna hitam tersebut dengan membuat campuran 10% inai dan 90% indigo. Some people find that their hair is reddish after a few weeks, because the indigo is fading. This is because the indigo dye molecule doesn't bind the same way as henna does. Indigo dyes your jeans and they fade, too. You can perk up the black between times by making a mix of 10% henna and 90% indigo.

Jika suka, anda boleh mewarna hanya di bahagian akar di antara aplikasi penuh pada rambut.

Jangan gunakan hanya indigo untuk mewarna rambut melainkan anda ingin kelihatan seperti "wanita tua berambut biru"



Gambar 62: Hitam adalah menawan seperti seekor anak kucing hitam ... dan lebih SELAMAT dengan inai dan indigo!

Bab 7 : Bagaimana inai dan indigo mewarna uban dan lain-lain?

Setiap orang mempunyai warna rambut berbeza, diet berbeza, dan keadaan alam sekitar yang berbeza. Inai adalah berbeza untuk setiap orang. Esei ini menunjukkan campuran inai dan indigo diuji pada bulu kambing churro yang berlainan warna. Keputusan campuran inai dan indigo pada kambing churro adalah hampir serupa dengan hasil menggunakan campuran inai dan indigo pada rambut manusia. Ini hanyalah sebagai panduan teori kepada potensi keputusan, bukannya keputusan yang pasti. results.

Manusia mempunyai pelbagai warna rambut dan tekstur. Rambut setiap orang bertindak dengan inai dengan berbeza-beza. Walaupun inai berkualiti tinggi adalah lebih kurang sama, anda akan berjumpa dengan salah satu yang lebih sesuai dengan anda. Tumbuhan tersebut tumbuh di tanah yang berlainan, pada keadaan yang berbeza. Anda harus mencuba untuk mengetahui apa yang anda suka.



Gambar 63: Ini adalah warna bulu kambing, dengan bahagian uban yang berbeza.

Dari kiri ke kanan, ia adalah

- 1) Putih semulajadi
- 2) Keemasan gelap dengan 50% uban,
- 3) Perang sederhana dengan 20% uban,
- 4) Perang gelap dengan 10% uban,
- 5) Hitam dengan 10% uban,
- 6) Hitam dengan 80% uban.

Inai dan indigo mewarnai keratin luar helaihan rambut. Ia tidak mengubah warna melanin pada teras rambut anda. Warna rambut anda akan menjadi gabungan inai dengan warna asal rambut anda. Jika anda mewarna rambut beruban, warnanya akan berbeza pada rambut berpigmen dan uban. Gambar-gambar berikut menunjukkan perbezaan keputusan apabila campuran yang sama digunakan untuk rambut yang berlainan warna.

Uban lebih sukar diwarna kerana rambut tidak berpigmen mempunyai kadar pertumbuhan yang lebih cepat berbanding rambut berpigmen. Inai dan indigo akan mewarnakan uban. Sesetengah orang perlu mewarna rambut mereka berulang kali untuk melitupi seluruh uban. Sesetengah lagi menambahkan litupan dengan menambah setengah sudu kecil garam per 100g indigo. Anda boleh mewarna akar rambut dengan inai dan indigo seberapa kerap yang anda suka, kerana ia tidak akan membahayakan rambut anda.



Gambar 64: Bulu kambing yang diwarnai dengan inai sahaja.

Dalam gambar 65, setiap bulu diwarnakan dengan menggunakan inai yang sama pada masa yang sama. Bulu keemasan menjadi merah. Inai mewarnai uban menjadi merah kuprum. Inai tersebut tidak mengubah warna perang tua dan hitam dengan jelas, tetapi ia menjadikannya warna yang lebih menyerlah dengan highlight merah..



Gambar 65: Bulu kambing yang diwarnai dengan separuh inai dan separuh indigo.

Dalam gambar 66, setiap bulu diwarnakan dengan campuran setengah inai dan setengah indigo. Inai dan indigo mewarnai uban kepada perang sederhana. Inai dan indigo mengubah sedikit warna bulu perang tua dan hitam dengan highlight yang menyerlah. Uban dan bulu perang menjadi sebatu dan uban tidak jelas kelihatan.



Gambar 66: Bulu kambing yang diwarnakan dengan satu bahagian inai dan dua bahagian indigo.

Dalam gambar 67, setiap bulu diwarnakan dengan campuran satu bahagian inai dan dua bahagian indigo. Bulu keemasan dan uban menjadi perang sederhana, dan bulu yang berwarna gelap menjadi lebih gelap dan warna menawan. Semua bulu menjadi perang yang lebih gelap berbanding dengan campuran sebelum ini. Keputusan untuk setiap bulu adalah berbeza.



Gambar 67: Bulu kambing yang diwarnakan dengan inai terlebih dahulu diikuti dengan indigo.

Dalam gambar 68, bulu diwarnakan dengan inai terlebih dahulu, diikuti pula dengan penggunaan indigo. Semuanya menjadi tona hitam dan uban dilitupi dengan sepenuhnya, walaubagaimanapun tona hitam yang berhasil adalah pelbagai bergantung pada perbezaan warna rambut..

Aplikasi inai dan indigo yang berulang akan menghasilkan rambut yang berwarna lebih gelap..



Gambar 68: Bulu kambing yang diwarnakan dengan indigo sahaja.

Dalam gambar 69, kesemua bulu diwarnakan dengan indigo sahaja. Hasilnya tidak begitu baik dan kelihatan tidak semulajadi seperti rambut manusia, dan teksturnya tidak selembut campuran inai..



Gambar 69: Selalulah menguji rambut anda terlebih dahulu!

Seperti yang dapat anda lihat pada bulu kambing yang diwarnakan, keputusan adalah pebagai mengikut warna rambut yang asal. Jika anda bercadang untuk mewarna rambut menggunakan inai dan indigo, dapatkan sampel terlebih dahulu. Kumpulkan rambut dari sikat anda. Buat campuran inai dan indigo yang anda rasakan berkesan, dan masukkan rambut tadi ke dalam campuran tersebut. Biarkan selama beberapa jam dan bilas. Buatlah ujian seperti ini sehingga anda mendapat keputusan seperti yang diinginkan sebelum mengaplikasinya pada rambut! Keputusan setiap orang adalah sedikit berbeza!

Bab 8 : Apakah Cassia?

Serbuk Cassia kelihatan seperti serbuk inai, dan merupakan pelembab yang sangat baik yang menjadikan rambut bersinar dan lebat, dengan kulit kepala yang sihat. Jika anda mencampurkan cassia dengan air dan menggunakan serta merta, warna rambut anda tidak akan berubah, tetapi teksturnya menjadi lebih licin, sihat dan bersinar. Cassia boleh digunakan terus pada rambut perang keemasan yang dilunturkan untuk memperbaiki kerosakan kimia.

Cassia obovata, angustifolia dan alata mempunyai kandungan anthraquinones dan asid cysophanic yang tinggi, dan sangat berkesan untuk menghalang pertumbuhan fungus, pembiakan kutu, bakteria dan penyakit mikrobial. Cassia alata, yang mempunyai kandungan anthraquinones dan asid cysophanic yang tinggi, telah digunakan secara tradisional untuk mengubati eczema, kegatalan dan penyakit kulit manusia. Cassia dengan kandungan anthraquinones dan asid cysophanic yang tinggi adalah sangat berkesan untuk mengahsilkan kulit dan rambut yang sihat.



Gambar 70: Cassia, lemon, inai and rambut

Molekul asid chrysophanic mempunyai warna keemasan dan boleh mewarnakan rambut sama seperti inai. Jika anda mencampurkan cassia dan jus lemon, biarkan ia rehat selama 12 jam (seperti di halaman 22-23), molekul asid cysophanic yang keemasan akan dibebaskan. Jika anda meletakkan pes lemon/cassia pada rambut tidak berpigmen (nombor 1 dalam gambar 71) dan biarkan selama beberapa jam, ia akan meninggalkan kesan keemasan yang lembut (nombor 2 dalam gambar 71). Cassia boleh digunakan untuk menjadikan rambut blonde yang pudar menjadi keemasan semula. Jika anda mencampurkan satu sudu penuh inai kepada 100 g cassia, anda akan menghasilkan warna emas yang terang atau strawberi keemasan (nombor 3 dalam gambar 71). Ia tidak memerlukan inai yang banyak untuk mengatasi warna cassia ; nombor 3 hanya menggunakan satu sudu kecil inai dalam 100 g cassia, dan nombor 4 hanyalah inai. .

Ini akan jelas kelihatan pada rambut yang oudar atau uban, bukannya pada rambut yang berwarna gelap. Anda tidak boleh menjadikan rambut yang gelap kepada warna keemasan dengan cassia.

Bab 9 : Peringatan :

Inai “body art quality” hanyalah daun tumbuhan semulajadi yang dikeringkan dan dijadikan serbuk. Inai bukanlah bahan kimia; ia adalah sejenis pokok yang tumbuh di gurun. Petani di kawasan yang kering menanam inai, ia melindungi lading mereka dari menjadi poros, dan duit yang didapati hasil penjualan inai membantu meringankan beban mereka dan keluarga semasa musim kemarau..

Tiada “inai hitam,” “inai natural,” “inai keemasan,” “inai perang,” atau apa-apa warna inai yang lain yang terhasil daripada molekul pewarna merah-jingga yang terdapat pada inai, lawsonia inermis. Anda boleh menghasilkan warna-warna tersebut dengan mencampurkan indigo dan cassia, iaitu dua tumbuhan yang lain.

Lupakan segala yang anda dengar tentang inai menyebabkan “rambut rapuh,” “sisa kotoran,” “rambut bersalut,” dan “warna tidak semulajadi”. Itu semua adalah kesan tambahan logam dan bahan kimia yang digunakan pada inai campuran. Inai amat BAIK untuk rambut anda! Inai menguatkan rambut, menghalang keleumur, dan melindung rambut daripada kerosakan UV. Inai menjadikan rambut anda sihat, lebat, cantik dan lembut. Inai “body art quality” adalah yang terbaik!

Hanya gunakan inai “body art quality,” indigo dan cassia, yang diimport segar oleh pembekal yang berpengetahuan. Saya sedang melakukan tesis PhD tentang inai. Saya merupakan pembekal yang mempunyai pengetahuan luas tentang ini. Inai yang didapati di kedai-kedai kurang berkualiti, selalunya berpasir dan tidak segar, serta sering ditambah dengan bahan-bahan yang tidak disenaraikan, termasuklah PPD. Setelah anda mencuba produk yang berkualiti, anda tidak mungkin akan menggunakan produk murah pada masa akan datang.

Jika anda sering mendapat gatal-gatal dan luka setiap kali menggunakan pewarna sintetik, berhenti gunakannya SEKARANG. Alahan tersebut akan berlarutan dan mungkin membahayakan nyawa. Gunakan inai “body art quality.” Inai “body art quality” tidak mengandungi para-phenylenediamine, garam metalik, dan peroksida. Ia hanyalah daun tumbuhan yang dikeringkan dan dikisar. Walaubagaimanapun, setiap orang mempunyai alahan terhadap sesuatu dan tiada apa-apa yang tidak memberikan alahan kepada seseorang. Ujian tompok adalah bagus.

Anda boleh menggunakan inai “body art quality” ke atas pewarna sintetik sahaja anda boleh menggunakan pewarna sintetik ke atas inai “body art quality.” Bahan metalik dalam inai campuran akan bertindakbalas secara berbahaya dengan bahan pengaktif dalam pewarna sintetik. Inai “body art quality” tidak mengandungi bahan metalik, jadi ia tidak mendatangkan masalah.



Gambar 71: Uji rambut sebelum mewarna keseluruhan bahagian rambut

Uji rambut anda terlebih dahulu! Keputusan inai berbeza bergantung pada warna asal sebelum mewarna . jika anda mahu mewarna rambut dengan inai dan indigo, dapatkan sampel rambut terlebih dahulu. Kumpulkan rambut dari sikat anda. Buatkan campuran inai dan indigo mengikut kesukaan anda, dan letakkan sampel rambut dalam campuran tersebut. Biarkan selama beberapa jam dan bilas. Lakukan ujian ini sehingga anda mendapat keputusan yang diinginkan sebelum mewarna keseluruhan rambut! Keputusan setiap individu adalah berbeza!

Pelajari dengan lebih banyak dan Tanya soalan di hennaforhair.com! Terdapat sebuah forum dengan ramai orang yang baik untuk berbincang, dan terdapat banyak gambar serta kisah-kisah dari mereka yang telah menginai rambut!

Ini adalah TIDAK sukar. Ukuran dan masa yang tepat mungkin penting. Kaum wanita telah menginai rambut mereka sejak lima ribu tahun dahulu dan mereka tidak mempunyai cawan penyukat dan buku teks. Teruskan dan uji beberapa perkara, dan terus lakukannya!

Lelaki juga menggunakan inai. Inai membersihkan kelemumur, serta inai dan indigo boleh menutup uban pada jambang.

Anda boleh simpan baki serbuk dan pes. Simpan baki serbuk inai dalam bekas yang ditutup rapat dalam peti sejukbeku. Ia akan bertahan selama setahun. Simpan baki pes inai dalam bekas bertutup rapat dalam peti sejukbeku. Ia akan bertahan selama setahun. Jangan bukukan indigo at apes indigo. Simpan serbuk indigo dalam bekas bertutup rapat di dalam laci yang gelap atau almari. Ia akan bertahan selama setahun. Pes indigo akan menjadi tidak elok $\frac{1}{2}$ jam setelah anda mencampurkannya. Buangkan pes tersebut. Jangan simpan pes inai/indigo. Simpan cassia dalam bekas bertutup rapat dalam laci gelap atau almari.



Gambar 72: Sarung tangan getah putih setelah mengaplikasikan inai

Pastikan memakai sarung tangan! Inai dan indigo akan mewarna kulit anda. Cara yang senang untuk meletakkan inai pada rambut adalah menggunakan tangan. Ia akan memberikan urutan kulit kepala yang enak juga.



Gambar 73: Lebih tebal, lebih baik

Aplikasikan inai dengan TEBAL. Jangan berangan menggunakan berus pewarna. Letakkan inai pada rambut seperti membuat “frosting” kek.

Mungkin jus lemon terlalu kasar pada kulit kepala atau rambut anda. Jika rambut anda kelihatan kering, atau kulit anda gatal-gatal, tukar kepada setengah air dan setengah jus lemon, atau jus oren. Anda boleh menggunakan wain, cuka, the herba dengan lemon, jus buahan-buahan yang lain ... cecair jernih yang masam boleh digunakan



Gambar 74: Bahagikan rambut anda kepada bahagian $\frac{1}{2}$ "

Bahagikan rambut anda kepada bahagian yang tidak lebih dari $\frac{1}{2}$ inci lebar. Inai tidak akan menitik dari rambut anda. Anda harus meratakan inai dengan tebal pada setiap bahagian rambut.

Tunggu tiga hari untuk menilai warna rambut anda. Inai dan indigo melalui proses perubahan kimia apabila terdedah pada udara. Warnanya akan menggelap dan lebih dalam. Jangan panik apabila anda membilas rambut anda.

Ini adalah sangat mencomotkan. Lapik baju anda dengan tuala besar, dan letakkan suratkhabar pada permukaan lantai. Pes yang pekat boleh tersebar merata. Jika inai dan indigo terkena pada sesuatu tempat, peluntur boleh menghilangkannya.

Berapa banyak yang anda perlukan?

- 100g untuk rambut pendek.
- 200g untuk rambut paras kolar.
- 300g untuk rambut paras bahu.
- 500g untuk rambut paras pinggang.

Jangan tambahkan minyak atau telur ke dalam campuran. Ia akan mengurangkan kadar penyerapan warna.

Anda boleh menggunakan inai seberapa selalu yang anda mahu. Ia BAIK untuk anda!

Bab 10: Bagaimana untuk melakukan semua ini di salun?

Salah satu sebab mengapa kadar penggunaan inai menurun selama 75 tahun di salun adalah kerana ia tidak “sesuai” dengan keadaan salun. Arahan inai dalam manual pakar kosmetik daripada tahun 1940-an adalah inai perlu dipanaskan dalam double boiler kemudian bahan panas itu disapu pada rambut pelanggan. Sebenarnya, ia adalah untuk “mempercepatkan” proses pembebasan warna. Jika anda mencampurkan campuran inai kegemaran anda malam sebelum temujanji, anda boleh membawanya kepada pakar kecantikan anda, bersama buku ini di tangan, dan cuma katakana, “Tolong lakukan ini”. Bawa spatula untuk meratakan inai, kerana berus pewarna tidak sesuai digunakan. Inai adalah comot, oleh itu alas lantai untuk menampung sebarang tumpahan. Pakar kecantikan anda boleh melakukan pembahagian rambut, aplikasi, dan membalut. Kemudian, manjakan diri

dengan perkhidmatan salun yang lain untuk beberapa jam sementara inai meresap ke rambut anda, atau pulang saja ke rumah, dan bilas rambut anda di sana.

Jika pakar kosmetik mahu menyimpan inai untuk sedia diguna, inai boleh disediakan lebih awal dan dibekukan didalam beg-beg kecil di salu, kemudian cuma nyahbiku dengan cepat dalam sebesen air panas apabila pelanggan datang. Indigo boleh dicampurkan sejurus sebelum digunakan. Salun boleh memesan bekalan pukal inai “body art quality” dan indigo pada harga diskaua dari www.blackcatredcat.com. TIADA inai “body art quality” yang boleh didapati dari pembekal barangan kecantikan atau kedai makanan kesihatan. Mereka hanya mempunyai inai campuran. Saya telah siasat.

Bab 11: Carta untuk campuran warna inai oleh Catherine Cartwright-Jones

Jika rambut anda:	Guna Cassia:	Guna ½ cassia dan ½ inai	Guna inai	Guna 2/3 inai dan 1/3 indigo	Guna ½ inai dan ½ indigo	Guna 1/3 inai dan 2/3 indigo	Use Henna first, then indigo
Keemasan	Emas bersinar	Emas strawberi	Merah menyala	Perang muda	Perang sederhana	Perang gelap	Hitam, perlu dilakukan berulang kali untuk warna penuh
Emas Tua	Emas tua bersinar	Merah kuprum	Merah terang	Perang muda	Perang sederhana	Perang gelap, perlu diulangi untuk menjadikannya benar-benar gelap	Hitam, perlu dilakukan berulang kali untuk warna penuh
Merah	Merah bersinar	Merah panas	Merah terang	Merah keperangan	Perang sederhana	Perang gelap, perlu diulangi untuk menjadikannya benar-benar gelap	Hitam, perlu dilakukan berulang kali untuk warna penuh
Perang Sederhana	Perang sederhana bersinar	Highlight merah	Perang kemerahan	Perang sederhana	Perang sederhana	Perang tua	Biru-hitam
Perang Tua	Perang tua bersinar	Highlight Merah	Perang gelap kemerahan	Perang tua	Perang gelap	Perang tua	Biru-hitam
Hitam	Hitam bersinar	Sedikit highlight merah	Hitam dengan kilauan merah	Hitam gelap	Hitam gelap	Hitam gelap	Biru-hitam
Beruban	Beruban	Emas kuprum	Merah kuprum	Perang muda	Perang sederhana, perlu dilakukan berulang kali untuk warna penuh	Perang tua, perlu dilakukan berulang kali untuk warna penuh	Hitam, perlu dilakukan berulang kali untuk warna penuh

Bab 12 : Inai menghalang kutu, cacing dan kelelumur.

Inai adalah cara selamat dan efektif untuk merawat kutu, kelelumur dan cacing kepala. Inai dicampur dengan Fenugreek membunuh kutu dan mengelak jangkitan. Inai dicampur dengan Artemisia akan sepenuhnya membunuh kutu, walaupun pada jangkitan yang teruk. Sediakan inai untuk membunuh kutu, kelelumur atau cacing sama seperti anda biasa sediakan. Untuk jangkitan yang teruk, tambah 25g Artemisia atau fenugreek untuk setiap 100g inai. Gunakan inai “body art quality” (kandungan pewarna yang tinggi, tanpa bahan asing atau pengubahsuaian). Jangan gunakan Artemisia pada perempuan yang mengandung atau menyusukan anak.

M. El-Basheir and Mahmoud A. H. Fouad (2002) A Preliminary Pilot survey on Head Lice, Pediculosis in Sharkia Governorate and Treatment of Lice with Natural Plant Extracts. Journal of the Egyptian Society of Parasitology, Vol 32, No 3, December 2002, Zeinab

Inai akan merawat cacing! Cacing adalah sejenis jangkitan fungal dan inai adalah anti-fungal!

Bosoglu A., Birdane F., and Solmaz H., (1998) “The Effect of Henna Paste in Ringworm in Calves Department of Internal Medicine, Faculty of Veterinary Medicine, Selcuk University, Konya, Turkiye Indian Veterinary Journal 75, January

Ringworm di Wikipedia: <http://en.wikipedia.org/wiki/Ringworm>

Inai merawat kelelumur! Kelelumur ialah hasil jangkitan fungal, psoriasis, dermatitis atau kulit bersisik. Inai adalah anti-fungal, efektif terhadap psoriasis, dan boleh menguatkan kulit. Ramai orang mendapat gatal-gatal, kulit kepala bersisik setelah mewarna dengan pewarna kimia adalah mendapat alahan terhadap para-phenylenediamine dan bahan kimia yang lain. Inai boleh digunakan untuk mewarna rambut daripada menggunakan bahan kimia, dan boleh mengekalkan kesihatan kulit dan rambut.

Wikipedia tentang Dandruff: <http://en.wikipedia.org/wiki/Dandruff>

Walaupun pada amnya anda menganggap inai adalah selamat untuk perempuan berumur 12 tahun ke atas, jangan inaikan rambut kakanak-kanak atau bayi sebelum merujuk kepada doctor untuk memastikan kanak-kanak tersebut mempunyai kekurangan G6PD.

Jangan gunakan inai pada golongan muda yang mempunyai kekurangan G6PD. Kekurangan glucose-6-phosphate dehydrogenase (kekurangan G6PD) ini adalah penyakit resesif yang menunjukkan kadar enzim G6PD yang rendah pada paras tidak normal, yang memainakan peranan dalam fungsi sel darah merah. Individu yang mempunyai penyakit tersebut mungkin menghalang anemia hemolytic yang tidak terimum adalah disebabkan banyak faktor, dan salah satu penyebabnya adalah inai. Lelaki lebih berisiko berbanding perempuan. Kekurangan G6PD boleh diketahui melalui ujian darah ringkas oleh doktor

Wikipedia article on G6PD deficiency: http://en.wikipedia.org/wiki/Glucose-6-phosphate_dehydrogenase_deficiency

Rujukan:

American College of Cosmetology, Standard Textbook of Cosmetology (1981) Raritan, New Jersey,

Amro, Bassam Izzidin (1989) Dyeing with Henna and Related Materials, Thesis for PhD at the University of Wales

Averbukh, A, Modai D., Leonov Y, Weissgarten J., Lewisohn G., Fuchs, L, Golik A, and Rosenmann, E. (1989) Rhabdomyolysis and Acute Renal Failure Induced by Para Phenylenediamine, Human Toxicology 8 345-348

Chemist and Druggist (1926), vol. 105, p 753

Chung, K., Murdock, C., Stevens, S., Li, Y, Wei, C, Huang, T, Chou, M. (1995) "Mutagenicity and Toxicity studies of P-Phenylenediamine and its derivatives" *Toxicology Letters* 81, , 23 - 32 1995

Dalton, J. (1976) *The Professional Cosmetologist*. West Publishing Company

Field, H. (1958). *Body Marking in Southwestern Asia*. Cambridge, MA: Peabody Museum

Kenny, D. (1980) Commercial premixed henna color treatments and conditioners. *Cosmetics and Toiletries*, 95 (6) 43,

Lava N S, Dollar J. (1996) Hair Dye-Induced Rhabdomyolysis, *Electroencephalography and Clinical Neurophysiology* 98, 8 - 40

Nethercott, James R.; MacPherson, Margaret; Choi, Bernard C. K.; Nixon, Pamela (1986) Contact dermatitis in hairdressers. *Contact Dermatitis*, Vol. 14 Issue 2, p73-79

Sosted, H.; Johansen, J. D., Andersen, K., E., Menné, T. (2006). Severe allergic hair dye reactions in 8 children. *Contact Dermatitis*, Blackwell Publishing Limited, Vol. 54 Issue 2: 87-91

Spanoudi, S. P. (1983) Henna, its morphology, chemistry, and hair dyeing properties

M.Sc Thesis, UWIST

Tannen, L. (2002). *I Loved Lucy: My Friendship with Lucille Ball*. NY, NY: St. Martin's Griffin

Tobin, D.J., Paus, R. (2001). Graying: Gerontobiology of the Hair Follicle Pigmentary Unit. *Experimental Gerontology*, 36: 29-54

United States Congress House Committee on Interstate and Foreign Commerce Subcommittee on Oversight and Investigations, "Safety of hair dyes and cosmetic products : hearing before the Subcommittee on Oversight and Investigations of the Committee on Interstate and Foreign Commerce, House of Representatives, Ninety-sixth Congress, first session, July 19, 1979"

Washington : U.S. Govt. Print. Off., 1979

Wall, F.E. (1972) Hair colorings, Bleaches, Dye removers, Chapter 23 in *Cosmetic Science and Technology*, 2nd Edition, Vol. 2, Wiley Interscience,

Zanni, (1925) *Chemist and Druggist*, vol. 103, p 217